

MPN membangun negara

Oleh PROF. DR. M.MUSTAFA ISHAK

PELANCARAN Majlis Profesor Negara (MPN) pada petang 1 April 2010 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di PICC, Putrajaya mencatat satu lagi detik bersejarah bagi negara. Mulai tarikh itu, bermulalah secara 'rasmi' kelompok akademia tanah air diangkat peranannya ke tahap nasional sebagai sumber rujukan negara bagi memberikan idea, pemikiran, kritikan, saranan, nasihat dan perundingan kepada negara menerusi kerangka MPN dan 13 kluster keilmuan yang mewakili 1,426 kelompok profesor di universiti-universiti awam tempatan.

Ini bererti mulai sekarang, negara dan kerajaan telah membentangkan sebuah lansasan jitu yang menjadi wahana rasmi kepada para akademia di institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) untuk menyumbang kepada karangan mereka dalam upaya pembangunan bangsa dan negara.

Di dalam buku Syed Hussein Al Attas yang bertajuk *Intellectuals In Developing Societies* (1977), beliau mencatatkan peranan golongan intelektual seperti berikut, "When the intellectuals go down, the fools go up". Lalu apa yang berlaku adalah masyarakat dan negara mungkin dipimpin dan diurus oleh mereka yang tidak layak atau para pemimpin tidak mendapat nasihat yang betul daripada mereka yang sepatutnya memberikan nasihat secara ikhlas. Akibatnya tentulah sangat buruk kepada masyarakat, bangsa atau negara berkenaan. Inilah keadaan yang boleh berlaku apabila peranan golongan intelektual dipinggirkan atau mereka sendiri memilih untuk meminggirkan diri dari arus perdana pengurusan dan pembangunan negara.

Kehadannya tentu menjadi lebih buruk jika terdapat golongan intelektual yang lazimnya mengabdikan diri kepada ilmu dan kebenaran, turut terpesona dengan godaan yang bersifat material, kuasa dan pangkat, lalu bersedia pula menggadaikan ilmu dan kebenaran yang dipegangnya hanya kerana ganjaran material yang dijanjikan. Kehadiran golongan berilmu juga mungkin tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya jika mereka

Seseorang intelektual itu harus berupaya mengimbangkan di antara minat persendiriannya, dengan sesuatu yang menjadi keperluan dan kepentingan awam

terperangkap dalam 'silo mentality' (keju-mudan minda) kerana ketaksuban terhadap bidang pengkhususan ilmu mereka semata-mata.

Alhamdulillah, di negara kita sejak dahulu sehingga hari ini proses pemunggiran secara sistematis ke atas golongan intelektual daripada arus perdana pembangunan negara bukanlah merupakan satu isu nasional. Sebaliknya, negara dan kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar dan pendekatan bagi memperkasa dan mengangkat martabat dan peranan golongan intelektual. Bajet Nasional yang diperuntukkan bagi bidang pendidikan di negara kita sejak sekian lama tidak pernah kurang daripada 20 peratus setiap tahun. Usaha ini lebih ketara ketika era Dasar Ekonomi Baru (DEB 1970-1990) rancak dilaksanakan dan berterusan sehingga kini. Pada satu ketika, pernah Bajet Nasional untuk pendidikan mencecah hampir 30 peratus apabila beberapa buah universiti baru ditubuhkan pada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri.

DEB umpamanya telah melahirkan ratusan ribu orang-orang pandai baru atau golongan intelektual baru di dalam masyarakat kita, khususnya dari kelompok Melayu dan Bumiputera. Ramai di kalangan mereka kini merupakan antara nadi penggerak penting pembangunan negara dalam pelbagai bidang. Mereka sering dirujuk dan diminta pandangan dalam pelbagai isu dan perkara yang dihadapi negara. Mereka juga berada bersama para pentadbir awam menasihati kerajaan dalam pelbagai perkara yang mereka ada pengetahuan dan kapakanan.

Ada juga di kalangan mereka yang diberikan pelbagai peranan penting mengendalikan agensi-agensi dan badan-badan kerajaan atau berkaitan kerajaan. Tidak kurang juga pelbagai pengiktirafan dan anugerah

yang diberikan kerajaan kepada golongan intelektual ini atas jasa dan sumbangan yang diberikan mereka kepada masyarakat dan negara.

Berbicara mengenai peranan dan tanggungjawab golongan intelektual, saya tertarik mencatatkan pandangan yang pernah dikemukakan oleh Edward W. Said (1993) dalam siri kuliah BBC yang terkenal, *Representations of the Intellectual* yang kemudiannya dibukukan dengan judul yang sama. Beliau menyebut bahawa misi golongan intelektual adalah memajukan kebebasan dan pengetahuan manusia. Bagi menjayakan misi ini, Edward menyebut bahawa, seseorang intelektual harus berada di dalam dan luar masyarakat dan ia mungkin juga mengkritik dan mencabar status-quo.

Namun, semestara iltizam peribadinya ke atas sesuatu idealisme yang menjadi pegangannya terus menjadi seumpama satu tenaga dalaman yang jitu di dalam dirinya, idealisme pegangannya pula harus relevan dengan masyarakat. Lebih jauh daripada itu, sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat, rasa keprihatinan seorang intelektual itu harus melampaui sempadan dunia ilmunya dan menerobos jauh ke dalam masyarakat awam di sekelilingnya.

Justeru, seseorang intelektual itu harus berupaya mengimbangkan di antara minat persendiriannya, dengan sesuatu yang menjadi keperluan dan kepentingan awam. Tanpa memintanya mengorbankan prinsip-prinsip tertentu yang menjadi pegangannya, seseorang intelektual harus juga terlibat dengan isu-isu dan keadaan masyarakat di sekelilingnya yang pantas berubah. Justeru, dalam erti kata lain, mereka dituntut untuk menjadi seorang intelektual awam di dalam dan luar masyarakatnya.

Dengan penubuhan MPN itu, kerajaan berharap peranan yang boleh dan akan dimainkan oleh para cerdik pandai negara akan dapat dipertingkatkan khusus membantu negara mengorak langkah menerobos pelbagai liku rintangan dan cabaran untuk menjadi sebuah negara maju dalam acuan kita sendiri dalam tempoh masa yang ditetapkan.

MPN juga diharap dapat menggembangkan seluruh tenaga dan kapakanan cerdik pandai tanah air bagi membantu negara melalui proses transformasi dalam pelbagai bidang strategik yang sedang digerakkan oleh negara dan agensi-agensinya.

Dengan idea-idea baru yang inovatif serta pandangan segar yang kreatif dan konstruktif yang bakal ditampilkan, MPN dan para profesor yang bernaung di bawahnya dapat memberikan pelbagai sumbangan bermakna kepada rakyat dan negara. Negara tentunya ingin melihat golongan intelektual tanah air turut sama terlibat mengangkat martabat bangsa ke mercu kegemilangan.

Peranan yang diamanahkan kepada MPN memperlihatkan bahawa negara mempunyai harapan yang sangat tinggi kepada para ilmuan tanah air untuk turut sama terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam arus perdana pembangunan dan transformasi negara. Hari ini, negara sudah pun mempunyai ratusan ribu golongan cerdik pandai yang bukan sahaja berada di pelbagai institusi ilmu milik kerajaan dan swasta tetapi juga bertebaran di pelbagai agensi dan sektor, sama ada awam mahu pun swasta.

Menerusi MPN, negara juga ingin melihat golongan intelektual tanah air berkongsi ilmu dan kapakanan mereka dengan rakyat dengan menjadikan masyarakat Malaysia ceklik minda dan berilmu pengetahuan tinggi dalam pelbagai bidang baru. Zaman ini adalah zaman ledakan ilmu pengetahuan.

Justeru, melahirkan rakyat dan negara berilmu pengetahuan tinggi sangat penting kerana ilmu pengetahuan pada hari ini adalah enjin kepada pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sesuatu bangsa dan negara.